

Tinjauan Ekonomi:

Manakah Satu Sistem Ekonomi Yang Liberal?

Sistem ekonomi yang wujud pada masa ini adalah berasaskan kepada dua aliran fahaman atau isme, yang pertama apa yang diasaskan kepada fahaman kapitalis dan yang kedua sosialis, walaupun begitu namun di sana ada beberapa isme lagi seperti fahaman fasis yang didokong oleh Jerman di bawah pimpinan *leader*-nya Hitler dan satu lagi di bawah kawalan Mussolini di Itali, kedua-dua tokoh ini tidak dapat mempertahankan isme mereka malah terhanyut dalam gelombang sejarah.

(oleh: Miza Lutfi – Nilam Puri)

Ekonomi Nasionalis:

Satu lagi corak ekonomi yang bisa terdapat pada masa ini ialah nasionalis, tetapi fahaman ini masih timbul tenggelam di dalam pergolakan dunia akibat dari tekanan politik dan ekonomi kuasa-kuasa besar. Boleh dikatakan kelahiran nasionalis tak lain tak bukan melainkan semata-mata dari cengkaman kuku besi penjajah-penjajah yang zalim dan kejam. Kebanyakan negara-negara yang menganut fahaman ini ialah negara-negara di benua Asia dan Afrika.

Ekonomi Kapitalis dan

Sosialis:

Di sini biarlah kita membicarakan sistem ekonomi yang menganut fahaman kapitalis dan sosialis sahaja. Sebab, yang lain itu mungkin menjadi ekor kepada kedua-dua isme yang tersebut.

Ekonomi negara-negara yang menganut fahaman kapitalis (demokrasi) yang kebanyakannya terdiri dari negara-negara Barat, membuatkan manusia terlepas bebas di dalam segala hal dan bentuk perasaan. Tiap-tiap seorang adalah bebas dan merdeka memilih apa kerja yang disukai. Bebas berusaha bagi

mendapatkan segala keperluan dan hajat. Kebebasan ini melahirkan beberapa golongan kecil manusia feudalis yang bermaharajalela dengan kekayaan yang tiada terbatas. Sedangkan rakyat ramai menjadi kaum marhaen yang miskin papa, kelaparan dan kebuluran berlaku di sana sini dengan amat menjadi-jadi, yang mana hal ini tidak diingini sama sekali oleh sesebuah masyarakat yang ideal dan siuman.

Sistem ekonomi yang mengamalkan fahaman sosialis atau kediktatoran yang diasaskan oleh Karl Marx. Menyebabkan manusia terlonta-lonta tidak terlepas dari keperluan umum. Manusia terikat dengan kepentingan bersama, tidak bebas seperti mana dalam sistem ekonomi kapitalis, segala daya usaha pekerja-pekerja adalah digerakkan oleh pemerintah, manusia-manusia hanya merupakan petualang kepada pemerintah sahaja.

Kedua-dua sistem ini sering timbul pertentangan yang hebat di antara satu sama lain, baik di segi ketenteraman, sosial, masyarakat, peradaban dan apa lagi dalam bidang ekonomi, masing-masing mendakwa bahawa sistem ekonomi merekalah yang teguh

dan boleh menghadapi segala cabaran dan tentangan. Marilah kita lihat baik buruknya kedua-dua sistem ekonomi yang tersebut.

Keistimewaan sistem ekonomi

kapitalis:

Dalam sistem ekonomi kapitalis terdapat beberapa keistimewaan di antaranya:

a. Mengakui milik perseorangan.

Sistem ekonomi kapitalis adalah satu sistem ekonomi yang mengakui hak milik perseorangan, yang mana dengan jalan ini menjadi daya pendorong yang utama kepada seseorang itu untuk berusaha mempergiatkan usaha-usaha ke arah kemajuan ekonomi. Sebab seseorang itu dapat memiliki cabaran sendirian tanpa sekatan dan batasan yang tertentu.

b. Menjamin kebebasan perekonomian

– Hal ini terkandung dalam dua faktor:

1. Kebebasan berusaha dari perseorangan – sistem ekonomi kapitalis memberi

Tinjauan Ekonomi.

kebebasan kepada seseorang pengusaha bagi memenuhi segala hajat dan keperluan. Mereka berhak berusaha dalam bidang apa jua, dan berhak tinggal di mana-mana tempat dan iklim mengikut kehendak dan kesukaan masing-masing.

2. Kebebasan bekerja – sistem

ekonomi kapitalis membuka peluang kepada tiap-tiap seseorang memilih pekerjaan yang diminati oleh mereka mengikut apa yang disukai. Kecuali di sana ada beberapa hal yang menyentuh kepentingan umum seperti menjaga hak-hak seseorang yang lain.

j. Mencapai kemajuan teknik

penghasilan;

Dari sistem ini melahirkan tingginya nilai barang-barang penghasilan atau menjadi kualiti yang bagus di samping harganya yang murah dan berpatutan. Ini disebabkan oleh adanya perlumbaan bagi merebut pasaran.

Di samping keistimewaan-keistimewaan yang

terdapat dalam sistem ini ada pula

keburukannya seperti:

a. Timbulnya pembekuan (perlonggokan)

terhadap bahan-bahan keperluan.

Ekonomi kapitalis adalah satu sistem ekonomi yang merupakan perebutan pasaran. Yang mana dengan hal yang demikian timbulnya masalah pembekuan terhadap bahan-bahan keperluan. Dan ini menjadi satu masalah yang

rumit kepada pihak pengeluar (pengusaha) dan pengguna. Bila mananya barang-barang pengeluaran dari kilang-kilang menyebabkan turunnya harga. Dengan demikian, kilang-kilang yang kecil terpaksa menutup perusahaan mereka akibat dari ketidakpersaingan dengan pekilang-pekilang yang besar dan maju. Apabila pekilang-pekilang yang kecil tadi bankrap atau tidak dapat mengeluarkan lagi barang-barang penghasilan mereka, maka pekilang-pekilang yang besar dan maju tadi dapatlah bertindak dengan sesuka hati mereka iaitu dengan jalan pembukaan bahan-bahan keperluan untuk dijual dengan harga yang melambung tinggi pada musim-musim yang tertentu, demi untuk mendapat keuntungan yang lebih besar.

b. Perbezaan taraf atau kedudukan ekonomi.

Sistem ekonomi kapitalis melahirkan segelintir manusia kapitalis yang menjadi buaya-buaya darat untuk memerah dan menindas orang-orang lain. Sedangkan rakyat umum atau orang kebanyakan tidak memiliki apa-apa, walaupun untuk habuan hidup sehari-hari, hal ini berlaku oleh sebab dua faktor:

1. Kebebasan hak milik

perseorangan – dengan sebab adanya kebebasan hak milik perseorangan, maka seseorang itu mungkin dapat memiliki seberapa banyak pun, sebab itu kita dapati beberapa banyak mereka yang memiliki harta kekayaan tanpa usaha masalah hanya dengan jalan

menerima pusaka-pusaka wasiat atau dengan sebab perkahwinan sahaja.

2. Ketiadaan keseimbangan harga –

hal ini pasti wujud oleh sebab ketiadaan keseimbangan di antara pengeluar dengan pengguna. Apabila barang-barang pengeluaran terlalu banyak, maka akibatnya harga turun meleset, dan harga upahan pekerja-pekerja juga akan rendah dan murah.

j. Timbulnya pengangguran

Masalah pengangguran tidak akan wujud kecuali dalam sistem ekonomi kapitalis, sebab timbulnya pengangguran dalam sistem ekonomi ini ialah sebagaimana yang kita tahu, bahawa sebahagian besar tujuan dan matlamat pengusaha-pengusaha ialah untuk mendapatkan keuntungan yang sebanyak-banyaknya. Tujuan yang tersebut tidak dapat tidak dari sumber pengeluaran. Tetapi bila mana pengeluaran terlalu banyak menyebabkan kejatuhan harga. Dengan itu terpaksa setengah-setengah pekilang menutup pengusahaan mereka yang mengakibatkan wujudnya pengangguran.

Keistimewaan sistem ekonomi

sosialis (diktator)

Di sana ada tiga persoalan yang besar dan menjadi keistimewaan kepada sistem ini di antaranya ialah:

1. Menghapuskan masalah pembukaan terhadap bahan-bahan keperluan.

Sistem ini dapat menghapuskan pembukaan bahan-bahan keperluan, oleh kerana kerajaan atau pemerintah sendiri yang mengendalikan segala

Tinjauan Ekonomi.

bahan-bahan penghasilan, baik dari segi pengeluaran mahupun dari segi penggunaan.

2. Menghapuskan sistem yang

berkelas-kelas (berkasta).

Dengan lain perkataan ketiadaan taraf atau kedudukan ekonomi. Hal ini oleh kerana segala upahan atau pendapatan hanya diberi oleh pemerintah mengikut jenis-jenis pekerjaan atau mengikut bebanan dan tanggungjawab pekerja itu sahaja.

3. Menghapuskan masalah pengangguran.

Oleh kerana sistem ini dikendalikan oleh kerajaan, maka hanya kerajaanlah sahaja yang merangka asas-asas dan pelan-pelan yang kelak menjadi perusahaan kepada penduduk. Kerajaan melakukan penyelidikan dalam bidang perusahaan dan pengeluaran, sebarang pengeluaran adalah mengikut kadar yang berpadanan dengan penggunaan, dengan ini dapatlah mengelakkan dari penutupan kilang-kilang yang mengakibatkan bahaya pengangguran.

Sistem ekonomi sosialis

tidak terlepas dari beberapa kepincangan di antaranya seperti yang berikut:

1. Sistem ekonomi sosialis

menghapuskan hak-hak milik ketuanan perseorangan, dan berpindah menjadi hak milik kerajaan atau negara.

2. Sistem ini membasmikan kebebasan

hak-hak asasi seorang manusia, baik dari segi permilikan,

pengeluaran dan penggunaan.

3. Sistem ini juga melenyapkan

nilai-nilai dan harga kemanusiaan, sistem ini tidak mempercayai akan kebolehan diri sendiri.

Malah diperserahkan kepada kerajaan.

Sistem ekonomi Islam:

Apa kata Islam dalam masalah ekonomi, marilah kita sama-sama mengikut dari kedua-dua sistem yang bertentangan itu. Islam tidak membiarkan masalah ekonomi dengan keadaan begitu sahaja. Islam tidak memulau masalah ekonomi sehingga tinggal bersendirian. Malah Islam campur tangan dalam bidang ini mengikut kesesuaian dan pandangan yang tiada banding sekali dari Maha Penciptanya yang Bijaksana dan Maha Adil. Islam mencampur tangan dalam bidang ekonomi bukan dengan jalan kekerasan, merampas dan menyamun hak-hak asasi dan kekuatan seseorang manusia. Islam mencampur tangan dalam bidang ekonomi bukan dengan jalan lemah sehingga dapat ditindas dan diperah sampai ke akar-akar umbi sekali. Malah campur tangan Islam dalam bidang ekonomi ada konsepnya, ada ideologinya yang tersendiri. Sekali lagi saya katakan, bahawa Islam campur tangan dalam bidang ekonomi mengikut dasar dan luno-luno yang tersendiri, yang terasing dari segala-galanya yang tunggal dari Maha Penciptanya yang Bijaksana dan Maha Adil.

Sistem ekonomi Islam adalah berasaskan kepada kebebasan berusaha dan menggerakkan tenaga tiap-tiap seorang bebas memilih jenis-jenis pekerjaan yang dikehendaki, bebas

memilih jalan untuk mendapatkan rezeki dan habuan. Bebas memilih apa-apa kerja yang dapat memenuhi segala hajat dan keperluan hidup, segala-galanya bebas mengikut kesesuaian undang-undang dan syariat Islam yang mulia dan tinggi itu.

Asas sistem ekonomi Islam:

Sistem ekonomi Islam adalah berasaskan kepada dasar persamaan taraf dari segi perebutan 'peluang' dan 'perlumbaan dalam bidang perusahaan' dengan ertinya 'siapa cepat dia dapat'. Hal ini mungkin terdapat dalam sistem ekonomi kapitalis. Tetapi corak perbezaannya ialah kebebasan sistem ekonomi Islam tidaklah terlepas langsung dari sebarang peraturan dan ikatan. Malah Allah *Subhānahu wa Ta'ālā* mengharuskan dan membenarkan kepada pemerintah untuk campur tangan dalam bidang ekonomi ke atas hak-hak perseorangan pada masa-masa yang tertentu, seperti dalam masalah *ihtikār* (monopoli) atau pembekuan bahan-bahan keperluan.

Islam mengharamkan malah tidak membenarkan langsung seseorang itu menyimpan barang-barang keperluan untuk dijual pada masa-masa yang tertentu dengan harga yang berlipat ganda. Kerana hal ini membabitkan undang-undang dan mengganggu kepentingan orang ramai. Andainya jika peristiwa ini berlaku, maka seseorang itu (penyimpan barang-barang keperluan) tidak akan terlepas dari undang-undang yang mencegah dia dari berbuat demikian.

Kebebasan sistem ekonomi Islam adalah berasaskan kepada dasar dan luno-luno yang tidak mengganggu

Tinjauan Ekonomi.

ketenteraman dan kebebasan perekonomian. Gejala-gejala yang tidak sihat tidak akan timbul dalam sistem ekonomi Islam, kerana Islam menghormati hak-hak seseorang dan aman dari sebarang penindasan.

Ekonomi Islam dan kapitalis:

Apakah Islam mengakui kebebasan sistem ekonomi kapitalis. . ?

Di dalam al-Qur'an tidak ada nas yang terang yang menyokong kebebasan sistem ekonomi kapitalis. Malah apa yang terdapat di dalam al-Qur'an adalah semata-mata dari sari pati yang menunjukkan bahawa al-Qur'an mengakui fakta-fakta ekonomi yang bersesuaian dengan kebebasan perekonomian. Setengah dari fakta itu ialah seperti timbulnya keadaan yang berlebih kurang di kalangan manusia, sikap atau keadaan ini adalah hasil dari kebebasan perekonomian.

Dari sini teranglah bahawa tentang pembahagian rezeki dan kekayaan di dalam Islam adalah sama-sama mendapat hak dan bahagian, hanya manusia itulah yang harus bergerak dan berusaha untuk mencari rezeki dan habuan hidup atau untuk mendapat kekayaan di dalam kehidupan. Jadi tidaklah dapat dielakkan bahawa adanya keadaan yang berlebih kurang ini adalah hasil dari ketekunan dan kerajinan masing-masing.

Tuhan sendiri telah mengakui dasar berlebih kurang ini di dalam kitab suci al-Qur'an sebagaimana firman-Nya yang bermaksud:

“Lihatlah bagaimana Kami lebihkan setengah mereka di atas setengah yang

lain.” – Sūrat al-Ra'd.

“Kami bahagikan di antara mereka darihal penghidupannya di atas dunia, dan Kami tinggikan setengah-setengah mereka di atas setengah-setengah yang lain beberapa darjat supaya menjadi kemudahan oleh mereka bagi setengah-setengah yang lain” – Sūrat al-Zukhruf.

“Allah melapangkan rezeki bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya dan pula menyempitkannya” – Sūrat al-Ra'd. Dan beberapa ayat lagi yang menunjukkan keadaan yang berlebih kurang.

Di sini bukanlah bermakna Islam mengakui dasar berlebih kurang di kalangan manusia, bererti Islam mengenyepikan persamaan taraf sebagaimana yang saya katakan tadi. Malah Islam memberi peluang yang seluas-luasnya kepada manusia supaya sama-sama berusaha dan bertungkus lumus untuk mendapatkan faedah dan kekayaan. Andainya usaha-usaha itu berlebih kurang maka kehasilan dan kekayaan juga akan berlebih kurang di antara satu sama lain.

Bentuk ekonomi Islam:

Islam menyusun sistem ekonominya dengan cukup cermat dan teliti, Islam tidak mahu manusia menjadi hamba kepada harta kekayaannya hingga lupakan segala tugas dan tanggungjawabnya terhadap Allah, diri sendiri dan masyarakatnya. Islam tidak mahu hak seseorang manusia dirampas dan ditindas dari kebebasan semula jadi yang merendahkan nilai-nilai kemanusiaan. Malah Islam merentas jalan ekonomi yang normal, jalan ekonomi yang menuju ke arah ketinggian bukan ke arah kehancuran, tidak ada kepincangan

dalam sistem ekonomi Islam, kerana Islam menghormati nilai-nilai kerja dan mengakui hak milik perseorangan.

Islam menentang kefeudalan kapitalis yang memerah dan menindas ke atas hak seseorang yang lain. Islam memandang jijik perampasan kuasa ke atas hak-hak seseorang manusia lain sebagaimana yang berlaku dalam sistem ekonomi sosialis yang patut diletak di bawah tapak-tapak kaki yang penuh berlumpur dan kekotoran.

Ekonomi Islam hanya tinggal teori:

Ekonomi Islam sajalah satu-satunya sistem ekonomi yang benar-benar menjamin kebebasan dunia perekonomian. Sistem ekonomi yang liberal.

Tetapi sayang!! Oleh kerana kuatnya serangan pengaruh dunia Barat ke atas negeri-negeri Islam, kesan-kesan penjajahan ke atas negeri Islam bukan sahaja dalam bidang politik, malah tercengkam saja dalam bidang ekonomi, sosial dan kebudayaan. Maka sistem ekonomi Islam yang seindah dan selengkap itu, hanyalah merupakan teori-teori yang terpendam di dalam kitab-kitab fikah sahaja, tidak ada usaha-usaha baik di kalangan dunia luar mahupun di kalangan kaum Muslimin sendiri untuk mempraktik atau merencanakan sistem ekonomi yang teratur dan rapi itu....

Bahan-bahan ambilan:

1. Nota-nota pelajaran di Nilam Puri.
2. Tafsir al-Qur'an al-Karim.

Indonesia – Muhammad Yunus.